

Kolej Kediaman AB rangkul kejuaraan karnival debat

UB 25.10.2012 B2.

Oleh ISAB KHAN MUKARAB SHAH
i.sabkhanUB@gmail.com

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Anugerah Bestari (AB) berjaya merangkul kejuaraan dalam pertandingan Debat Piala Naib Canselor kali ke-12.

Kolej AB telah berjaya menewaskan Kolej Excellant bagi kategori Bahasa Melayu Utama pada pertandingan berkenaan yang telah diadakan di Dewan Resital, Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Pendebat Kolej AB diwakili Fandyi Sanizan, Khairil Taufik, Abdul Manan Perman dan Rahmat Sidan selaku simpanan dan lebih manis lagi apabila Khairil Taufik dari kolej AB merangkul anugerah Pendebat Terbaik.

Kejuaraan Kolej AB untuk kategori utama diteruskan lagi dengan kejayaan untuk kategori Muda apabila Kolej AB juga muncul juara diwakili Muhammad Faizs, Nashrul Haq, Decker Donny dan Chee Siew Wei selaku simpanan dan Faizs Omar dari Kolej AB dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik.

Pertandingan yang dihakimi oleh Dr Yasmin selaku ketua hakim, Mat Reo daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Shahzwan daripada Jabatan Kesihatan dan Saqafi Jubas yang juga penggiat teater dan artis pilih kasih musim pertama.

Juga Ony Latifah daripada Jabatan Pendidikan, Hidayati Lasimin daripada Jabatan Penyiaran dan juga Sarifa Monadzra yang juga daripada Jabatan Penyiaran.

Antara pengisian Karnival

Pertandingan akhir berkenaan telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Mansur.

Kassim berkata, Kolej AB sememangnya kolej yang aktif dalam penganjuran program apatah lagi yang berbentuk pengucapan awam kerana Karnival Debat Piala Naib Canselor ini telah dianjurkan selama 12 tahun berturut-turut di bawah anjuran Exco Akademik dan Kepimpinan Jakmas Kolej AB.

Manakala Pengetua Kolej AB, Talib Abdullah Shani merakamkan rasa kebanggaan kerana selama 12 tahun penganjuran program berkenaan telah berjaya melahirkan ramai pendebat UMS yang hebat.

Antara pengisian Karnival

Debat Piala Naib Canselor tahun ini adalah bengkel pengucapan awam, Dewan Perundungan mahasiswa dan juga buat pertama kalinya Pertandingan Pesta Pantun di antara Kolej Kediaman yang mempertemukan Kolej Kediaman AB dan Kolej Kediaman E.

Dan ini telah menyaksikan Kolej AB menjuarainya dan Fandyi Sanizan Jurup daripada Kolej AB telah dinobatkan sebagai Pemantun Terbaik.

Sementara itu, Felo Penyelaras Program berkenaan, Jass Azlie telah mencetuskan sendiri idea untuk menganjurkan Pesta Pantun itu yang julung kali diadakan dan telah dirasmikan oleh Pengerusi Majlis Pengetua-pengetua Kolej Kediaman UMS (MAPeK), Dr Andika Hussin.



KASSIM menyampaikan hadiah kejuaraan kepada pemenang.